

**Jawatan Timbalan Presiden Bakal Tentukan Hala Tuju PAS  
Bernama  
13 Sept, 2013  
Oleh Mohd Hisham Abdul Rafar**

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Muktamar Tahunan PAS ke-59 pada November menjadi perhatian umum kerana ia bukan sahaja menjadi medan penentu hala tuju parti, bahkan mengukur kemampuan parti menyediakan barisan kepimpinan bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Menarik sekali apabila kenyataan Musyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berhubung jawatan timbalan presiden parti pada Jumaat lepas agar golongan ulama kembali dipilih memegang jawatan nombor dua itu.

Kenyataan ini memberi gambaran ciri keperibadian pemimpin yang harus diutamakan pada pemilihan parti.

Muktamar Tahunan PAS, yang dijadualkan dari 22 hingga 24 Nov di Selangor, akan menyaksikan proses pemilihan kepimpinan baharu parti bagi tempoh 2013-2015.

Apakah signifikannya gesaan bekas Menteri Besar Kelantan itu dan adakah kenyataan itu boleh ditafsirkan sebagai arahan kepada para perwakilan supaya memilih pemimpin daripada kalangan ulama?

Penganalisis politik Che Hamdan Che Mohd Razali berkata kenyataan Nik Aziz itu boleh dianggap sebagai isyarat jelas kepada perwakilan PAS supaya memilih kepimpinan daripada kumpulan ulama ekoran pengaruhnya yang masih kuat dalam parti.

#### GANDINGAN KEPIMPINAN

"Tetapi pada saya, kalau PAS nak bersaing dalam arena politik masa kini, mereka perlukan satu gandingan di mana presiden mestilah di kalangan golongan ulama manakala timbalan presiden di kalangan orang profesional," katanya ketika dihubungi Bernama.

Pada pilihan raya umum ke-13, Mei lepas, gandingan kepimpinan PAS yang diterajui Datuk Seri Abdul Hadi Awang sebagai presiden bersama Mohamad Sabu sebagai timbalan presiden menyaksikan kemerosotan jumlah kerusi Parlimen yang dimenangi.

PAS hanya memperoleh 21 kerusi Parlimen berbanding 23 kerusi pada pilihan raya umum 2008. PAS turut hilang penguasaan di Kedah serta hilang lima kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kelantan iaitu daripada 37 kerusi kepada 32 kerusi.

Menghuraikan lanjut tentang jawatan nombor dua PAS, pensyarah kanan Sains Politik Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dungun, Terengganu itu berkata hasrat Nik Aziz menggambarkan wujudnya konflik antara kumpulan ulama dan profesional.

"Ini bukan perkara baru malah sebelum pilihan raya umum ke-13 yang lepas pun, bibit-bibit itu telah nampak, cuma ia tidak dizahirkan," katanya.

Pada pemilihan parti 2011, perebutan jawatan itu menyaksikan pertandingan tiga penjuar antara Mohamad yang lebih dikenali sebagai Mat Sabu, Ketua Penerangan Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man dan bekas timbalan presiden Nasharudin Mat Isa.

Mohamad, yang merupakan penyandang jawatan itu, dilaporkan akan mempertahankan jawatan itu pada pemilihan parti kali ini.

#### MAKSUD TERSIRAT

Timbul juga persoalan, apakah maksud 'orang ulama' yang dikatakan Mursyidul Am PAS itu sedangkan pada masa yang sama beliau dilapor berkata bahawa semua anggota PAS adalah ulama?

Sukar untuk membuat telahan, Che Hamdan mengakui beliau juga tidak dapat membaca apakah maksud tersirat Nik Aziz itu.

"Saya juga nak tahu... adakah gelaran ulama hanya diberikan kepada mereka yang bergelar ustaz atau bagaimana?" katanya.

Adakah kenyataan Mursyidul Am PAS itu juga merupakan satu cubaan untuk menyingkirkan kumpulan 'Anwarinas' dalam pemilihan kali ini?

Che Hamdan berkata beliau percaya bahawa kenyataan Nik Aziz itu adalah isyarat kepada perwakilan supaya menyingkirkan mereka yang dilihat pro-Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim itu daripada PAS.

Pandangan sama turut disuarakan seorang lagi penganalisis politik yang berpendapat isu seperti 'Anwarinas' dan syiah, yang dikaitkan dengan beberapa anggota PAS termasuk Mat Sabu, telah banyak mencalar imej PAS.

Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Datuk Dr Samsul Adabi Mamat berkata sememangnya kombinasi kepimpinan antara profesional, agamawan dan intelektual diperlukan dalam landskap politik masa ini.

"Ini adalah realiti politik pada masa ini dan saya melihat kenyataan Nik Aziz itu sebagai satu langkah untuk PAS kembali memperkasa parti yang sebelum ini terpalit dengan pelbagai isu seperti 'Anwarinas' dan 'syiah'.

"Ini juga langkah untuk PAS memulihkan imej parti dan cadangan supaya kumpulan ulama menerajui jawatan nombor dua parti adalah wajar," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977451>